

8 MAC 2018

## Tiga pelatih Puspen bolos selepas solat Subuh

KOSMO! KHAMIS 8 MAC 2018

NEGARA! 3

### Tiga pelatih Puspen bolos selepas solat Subuh

**SEBERANG PERAI** – Tiga pelatih Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) Kampung Selamat, Tasek Gelugor di sini dipercayai telah melarikan diri selepas menamatkan solat Subuh awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Norzainy Mohd. Noor berkata, ketiga-tiga suspek berjaya melarikan diri dengan cara memanjat pagar setinggi tiga meter di sebelah kiri dewan pusat latihan berkenaan kira-kira pukul 6.30 pagi.

Menurutnya, ketiadaan Zainud-



NOORZAINY

din Yusof, 35, Zulzailatiman Zakaria, 37, dan Johari Ahmad, 52, yang baru ditempatkan di Puspen Kampung Selamat sejak dua bulan lalu itu mula disedari oleh salah seorang penyelia yang mula bertugas pada pukul 7 pagi.

“Siasatan awal mendapati mereka telah melarikan diri menghala ke kawasan ladang kelapa sawit dengan memakai ke-meja-T berwarna merah dengan tulisan CCRC Kg. Selamat pada bahagian belakang dan berse- luar sukan berwarna biru gelap,” katanya dalam satu kenyataan di

sini semalam.

Tambah Noorzainy, unit anjing pengesanan (K9) dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang telah tiba di tempat kejadian pada pukul 11.45 pagi dan berjaya menjumpai sehelai seluar serta sarung tangan berdekatan pagar yang dipanjat oleh suspek.

“Unit K9 juga telah mengesan jejak tiga pelatih itu bermula dari tepi pagar sehingga ke sempadan Padang Serai.

“Namun, malangnya jejak itu telah hilang menyebabkan bantuan daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim dan Kuala Muda diperlukan bagi mengesan suspek,” katanya.



TIGA pelatih melarikan diri selepas solat Subuh dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik Kampung Selamat, Tasek Gelugor awal pagi semalam.